صفاتُ المُرِيد السَّالِك

Sifat Murid Yang Sālik

Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani

صفاتُ المُرِيد السَّالك

Sifat Murid Yang Sālik

Suntingan :

Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani

Alih bahasa :

Ust. Rahmat Muhamad Al-Jawiy

Diterbitkan oleh :
Zawiyah Sydna Abul Hasan As-Syazili
Lot 177, Jalan Balai Panjang, Kg. Durian Daun,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
Malaysia
+60 18-662 7025

Hakcipta karya :
© Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Mālīzi

Alih bahasa & hakcipta terjemahan :
© Ust. Rahmat Muhamad Al-Jawiy Al-Mālīzi,
Wakil Tareqat As-Syaziliyyah Negeri Sembilan

Terbitan pertama :
Zulqa'dah 1447H /April 2026M

Majālis Ar-Rahmatul Muhdāh
https://t.me/+ABsgA4KYIXplZWRI

Sifat Murid Yang Sālik

بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيم ❊ الحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِينَ ❊ اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم وَبَارِك عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ ﷺ عَبدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ وَحَبِيبِكَ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ الكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصحَابِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا كَثِيرًا ❊

Sejak bertahun-tahun lamanya aku ingin menghimpun sebahagian sifat seorang murid yang *sālik* (Murid Sejati) -untuk diriku yang pertamanya- dari bicara, kuliah dan nasihat Sidna As-Syeikh Al-Kāmil Al-`Ārif Aş-Şomadāni Al-Hājj Abu Bakr Aş-Şiddiq Abd. Nasir رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم dan semoga dengan keberkatan juga pandangan mereka dimasukkan kita dibawah ri`ayah dan `inayah mereka zahir dan batin, demi *jāh* Saiyidina wa Maulana Muhammad. ALLAHumma amin, ya Robbal `Alamin.

Sifat-sifat ini mudah-mudahan dengan keberkatan Sidna Syeikh akan dapat membantu diriku si faqir dan para junjungan fuqara' sekalian untuk mengenal segala adab dan akhlak yang kita perlukan dalam menempuh jalan menuju ALLAH melalui jalur Tareqat As-Syaziliyyah Al-Masyisyiyyah. Bicara ini aku tujukan pertama-tamanya buat diriku, kerana akulah

yang sangat berhajat untuk berakhlak dan bergantung teguh dengan segala adab yang diredhoi, amat tinggi lagi sangat berharga ini.

ALLAHumma kami bermohon kepadaMU demi Saiyidina wa Maulana Muhammad ﷺ dan demi *jāh*-nya yang agung agar ENGKAU mentaufiq-kan kami dan memasukkan kami ke daerah liputan-MU, daerah dampingan, daerah munajat, daerah `ubūdiyyah dan daerah ketulusan `ubūdiyyah dihadapanMU ya Robbana wahai Maha Pencipta kami, wahai yang maha memberi kami rezeki. Amin.

1. Murid Sejati ialah seorang yang menemukan dalam Al-Quran segala yang dicarinya.
2. Dia mengenal kekurangan dan kelebihan.
3. Dia merasa cukup dengan Tuhannya, tidak bergantung kepada makhluk.
4. Baginya, emas dan tanah adalah sama.
5. Dia memelihara batas-batas hukum dan menunaikan janji.
6. Dia redho dengan apa yang ada
7. dan bersabar atas apa yang tiada.
8. Dia bersungguh-sungguh dalam mencari keredhoan ALLAH.
9. Dia bersyukur atas nikmat
10. dan bersabar menerima ujian.

11. Dia menerima pahitnya ketentuan Tuhan
12. dan memuji-muji Tuhannya saat susah dan senang.
13. Ikhlas kepada ALLAH dalam rahsia dan bisikan hati.
14. Dia tidak diperhambakan oleh selain ALLAH,
15. tidak dikuasai oleh kesan dunia
16. dan tidak ditundukkan oleh kehendak syahwat.
17. Adat kebiasaan tidak menguasainya.
18. Kata-katanya adalah zikir dan hikmah
19. dan diamnya pula adalah fikir dan iktibar.
20. Perbuatannya mendahului kata-katanya
21. dan ilmunya sejajar dengan amalnya.
22. Kenyataan dirinya adalah khusyuk dan wibawa.
23. Pakaiannya adalah tawaduk dan remuk redam hati.
24. Dia mengikut yang hak dan mengutamakannya.
25. Dia menolak kebatilan dan mengingkarinya.
26. Dia mencintai para *akhyār* (orang-orang soleh) dan mendokong mereka.
27. Dia membenci kejahatan dan memusuhi ahlinya.
28. Hakikat dirinya lebih indah daripada khabarnya.
29. Pergaulannya lebih harum daripada sebutannya.
30. Banyak memberi pertolongan.
31. Ringan bebanannya.
32. Jauh dari sifat semberono/ceroboh.
33. Dekat dengan sifat *futuwwah* (keperwiraan).

34. Amanah lagi dapat dipercayai.
35. Tidak berdusta dan tidak berkhianat.
36. Tidak bakhil dan tidak pengecut.
37. Tidak mencela dan tidak melaknat.
38. Dia bekerja dengan tangannya sendiri.
39. Dan tidak kikir dengan apa yang dimilikinya.
40. Baik dalamannya.
41. Indah niatnya.
42. Halamannya suci dari segala kejahatan.
43. Hemahnya tinggi dalam soal mendekatkan diri kepada Tuhannya.
44. Jiwanya enggan tunduk kepada dunia.
45. Dia tak berdegil meneruskan kesalahan.
46. Dia tidak bertindak atau menahan diri menurut hawa nafsu.
47. Dekat dengan kesetiaan dan kemuliaan jiwa.
48. Berpakat dengan rasa malu dan maruah diri.
49. Dia berlaku adil terhadap semua orang,
50. tanpa menuntut keadilan untuk dirinya.
51. Jika diberi, dia bersyukur.
52. Jika dihalang, dia bersabar.
53. Jika menzalimi, dia bertaubat dan memohon ampun.
54. Jika dizalimi, dia memaafkan dan mengampuni.
55. Dia suka dirinya *khumūl* (tidak terkenal) dan sembunyi diri.
56. Dia membenci dirinya menonjol dan masyhur.

57. Lidahnya terpelihara dari setiap yang tiada kena mengena dengan dirinya.
58. Hatinya sentiasa bersedih atas kekurangannya dalam ketaatan kepada Tuhannya.
59. Dalam hal agama dia takkan mengorbankan prinsipnya.
60. Dia tidak menuntut keredhoan makhluk dengan membuat Tuhan-nya murka.
61. Dia merasa jinak dengan bersendiri,
62. dan merasa asing dalam keramaian manusia.
63. Engkau tidak mendapatinya melainkan dia sedang mengerjakan suatu kebaikan,
64. atau mengajarkan ilmu.
65. Kebaikannya dapat diharapkan,
66. dan keburukan dirinya tidak membimbangkan.
67. Dia tidak menyakiti siapa yang menyakitinya,
68. dan tidak menjauhi siapa yang menjauhinya.
69. Dia seperti pohon tamar -dilempari batu dan kayu, tetapi membalas dengan kurma yang manis-,
70. dan umpama bumi -dibuang kepadanya segala yang kotor, namun yang dia dikeluarkannya hanyalah yang indah.
71. Cahaya kejujurannya tampak pada zahirnya.
72. Riak wajahnya hampir menyingkap apa yang tersembunyi di dalam hatinya.

73. Usaha dan tekadnya tertumpu pada mencapai keredhoan Tuhan-nya.
74. Kesungguhan dan perhatiannya adalah pada mengikuti jejak Rasul-NYA, kekasih-NYA, dan pilihan-NYA. Dia mentauladani Baginda dalam seluruh keadaan, akhlak, perkataan dan perbuatannya.
75. Dia senantiasa mematuhi perintah Tuhannya dalam KitabNYA yang mulia.
76. Dia senantiasa Tunduk patuh kepada ALLAH serta mencintai Saiyidina RasuluLLAH ﷺ.

Adab Suhbah

1. Memelihara kehormatan para masyaikh.
2. Pergaulan yang baik dengan para *ikhwān* (saudara dalam tareqat).
3. Memberi nasihat kepada yang lebih muda.
4. Meninggalkan bersahabat dengan mereka yang tidak sehaluan.
5. Sentiasa mengutamakan orang lain (*itsār*).
6. Menjauhi sikap menyimpan untuk diri sendiri.
7. Saling bantu-membantu dalam urusan agama dan dunia.
8. Menutup mata dari melihat kesalahan *ikhwān*.
9. Memberi nasihat pada yang wajib dinasihati.

10. Menutup aib sahabat/*ikhwān*, namun memberitahunya aib yang diketahuinya. Kerana seseorang itu masih belum menasihati saudaranya sehingga dia menyatakan perkara aib yang tidak dia sukai secara berdepan dengannya. Sesungguhnya orang yang *ṣōdiq* (tulus jujur) ialah orang yang membenarkan kata penasihat, sedangkan pendusta tidak menyukai penasihat.

11. Berkhidmat kepada para *ikhwān* dan bersabar atas kesakitan yang mereka timpakan mereka.
12. Tidak menganggap sesuatu sebagai milik khusus dirinya sendiri.
13. Meninggalkan bersahabat dengan siapa yang kesibukannya menuntut daki-daki dunia.

14. Memberi keadilan (tahu diuntung) kepada para *ikhwān* dan tidak menuntutnya dari mereka. Antara maknanya ialah melapangkan hartamu untuk saudaramu tanpa mengharap hartanya, engkau melazimkan dirimu adil dan tidak menuntut keadilan daripada saudaramu, engkau menjadi pengikut saudaramu tanpa mengharap dia mengikutmu, engkau menganggap pemberiannya kepadamu adalah banyak dan menganggap pemberianmu kepadanya adalah sedikit.

15. Lemah lembut dalam pergaulan.
16. Tidak menonjolkan diri dengan keangkuhan.

17. Tidak membiasakan kata-kata seperti : "Kalau begini, tentu begitu tidak terjadi", "Kalaulah begini", atau "Mudah-mudahan terjadilah begini", kerana yang seperti ini dianggap sebagai tadbir orang awam (bukan jalan ahli *khōwās*).

18. Bersimpati kepada mereka yang lebih muda.
19. Apabila diajak (oleh syeikh) dia meninggalkan persoalan "ke mana", "kenapa" dan "sebab apa".
20. Tidak memberat-beratkan dirinya dalam melayani para *ikhwān*.

21. Bersikap *mudārāh* (lunak) tanpa *mudāhanah* (kompromi/bermuka-muka). *Mudārāh* ertinya engkau menginginkan kebaikan saudaramu, lalu engkau bersabar atas sesuatu yang tidak kau sukai demi memperbaikinya, manakala *mudāhanah* pula ialah engkau melakukannya kerana hawa nafsu demi mendapat suatu keuntungan atau kedudukan.

22. Berkhidmat kepada *fuqarā'* (masyaikh). Syaratnya adalah dalam melakukan khidmat itu murid

melihat bahawa syeikh-lah yang memberinya kelebihan untuk berkhidmat serta syeikh-lah yang berbudi kepadanya. Alamat ketulusan murid dalam berkhidmat adalah semakin berat syeikh menyuruhnya berkhidmat semakin bertambah gembira dan kasihnya kepada syeikh, dia bahkan berharap tidak berhenti daripada berkhidmat walau pada waktu malam. Antara adab khidmat adalah jika syeikh menyuruhnya menunaikan suatu hajat walau ke puncak gunung nescaya dia tidak berlengah. Jika syeikh mengutusnya untuk suatu urusan, dia tidak akan mendahulukan yang lain dan takkan melakukan selain yang disuruh oleh syeikh. Jika dia dihantar untuk satu urusan tetapi dia juga melakukan satu lagi urusan (yang bukan urusan syeikh) maka itu tanda kemalasan dan kecuaian. Hendaklah dia mengutamakan khidmat kepada syeikh dan ikhwan-nya serta kepentingan mereka daripada dirinya sendiri. Dia tidak menyibukkan dirinya dengan urusan lain saat mengkhidmati syeikh-nya ; contohnya ketika sudah azan zohor, dia akan menyelesaikan tugasnya dan tidak solat zohor melainkan sesudah kembali kepada syeikh, kecuali jika kesuntukan masa dan bimbang habis waktu. Dan tidaklah seorang insan itu menjadi

rijāl melainkan dengan berkhidmat kepada para *rijāl*.

23. Sayogia bagi seorang murid apabila ber-*şuhbah* (bergaul) dengan *fuqarā'* (para masyaikh) hendaklah dia memelihara adab dengan sebaik-baiknya bersama mereka. Janganlah dia terpesona dengan gurau senda dan tawa mereka. Sesungguhnya mereka umpama gelombang laut yang dipukul angin ; kadang-kadang dihempas terdampar di daratan *basth* (lapang/ceria), dan kadang-kadang tenggelam di lautan *qabdh* (tegang/sempit). Pada satu waktu mereka dikalahkan oleh *jamāl* (keindahan) hingga ke tahap *syathāt* (melatah), dan terkadang mereka dikerasi oleh *jalāl* (keagungan) hingga mereka diam kaku.

    Maka boleh jadi seorang daripada mereka berbual mesra denganmu dalam *jamāl* yang sedang menguasainya, lalu tiba-tiba datang kepadanya *jalāl* maka serta-merta berubah dia dari keadaan yang sebelumnya ; engkau menyangka dia masih dalam keadaan yang pertama, padahal batinnya telah pun berpindah dari hal yang sebelumnya. Boleh jadi engkau saat itu melakukan satu kesilapan kecil kepadanya

lalu dia tidak memaafkanmu ; maka jadilah maksudmu musytari tapi jatuhmu di planet zuhal.

Dari sinilah para penuntut dari kalangan ahli *şidq* walaupun gurunya bermesra dengan mereka tetaplah mereka tidak terlalu bebas di hadapannya kerana takut kepada perubahan hal dan limpahan *wāridāt* (dapatan rohani) yang datang tiba-tiba kepada syeikh.

24. Apabila seorang murid ingin menziarahi syeikhnya, hendaklah dia mengosongkan hatinya daripada segala gangguan yang melalaikan, dan hendaklah dia menghadap kepada syeikhnya dengan hemah yang mulia, bukan cita-cita yang rapuh. Hendaklah dia duduk di hadapannya dengan hal orang yang sebenar-benarnya datang menghadap ; dengan hati yang tunduk, pandangan yang hormat dan air mata yang mengalir. Hendaklah dia menghimpun seluruh fikirannya untuk menyambut apa yang akan disampaikan oleh syeikhnya, dan menghirup dengan penuh kejujuran akan "minuman" yang dituangkan oleh syeikhnya.

Janganlah dia berpaling ke kanan kiri (sibuk pergi kepada syeikh-syeikh yang lain) agar beroleh kesenangan. Janganlah seorang murid itu berteman dengan orang-orang "kecil" (pada adab dan rohani), nanti yang akan dia perolehi hanyalah hal-hal yang kecil/hina jua. Tapi hendaklah dia datang berteman (berguru) kepada orang-orang "besar" kerana sesiapa yang berteman dengan mereka takkan beroleh kerugian.

Adab Murid Dengan Syeikh Kāmil

1. Hendaklah si murid itu melepaskan kehendak diri sendiri (dengan menyerahkan kehendaknya kepada syeikh) ; tidak melakukan suatu urusan dirinya dan hartanya kecuali dengan merujuk kepada syeikh dan arahannya. Keadaan murid di hadapan syeikhnya seperti pemancing yang duduk di tepi lautan, menunggu rezeki yang akan didatangkan kepadanya. Keinginannya yang tinggi untuk mendengar dan menanti rezeki yang akan diperolehinya melalui ucapan syeikh akan mencapaikan maqam *irādah* baginya.

   Dia menuntut kurnia budi ALLAH dan meminta tambahan darinya serta keinginannya untuk

mendengar bicara akan mengundurkan dirinya dari maqam *tholab* (menuntut/pencarian) kepada maqam rasa memiliki sesuatu untuk dirinya sendiri (ertinya dia mendengar bicara syeikh namun suka mentakwil, atau menganggap apa yang syeikh katakan itu mungkin sesuai untuk orang lain tapi tidak untuk dirinya, atau merasakan dia lebih memahami dari syeikhnya) maka ini adalah jenayah bagi seorang murid.

2. Hendaklah tumpuan keinginan si murid kepada apa yang berkaitan dengan hal dirinya untuk ditanyakan kepada syeikh. Namun seorang murid sejati tidak perlu banyak bertanya dengan lidah di hadapan syeikh, bahkan dia akan menyatakan dengan terang kepada beliau apa yang dia ingini. Kerana sesungguhnya tutur bicara seorang syeikh itu terbit dengan yang hak, dan saat hadir bersamanya mereka yang *şōdiqīn* (tulus jujur) beliau merafakkan hatinya kepada ALLAH serta memohonkan limpahan hujan rahmatNYA untuk mereka. Lalu lisannya dan hatinya dalam bicara dan katanya menjadi alat untuk menyampaikan apa yang sesuai dengan hal para penuntut yang berhajat saat itu kepada *futuh* yang dikurniakan kepada syeikh.

Kerana syeikh mengetahui keinginan kuat dari penuntut/murid kepada bicaranya dan kesediaan si penuntut untuk berpegang kepada katanya. Maka perkataan syeikh itu ibarat benih yang jatuh ke bumi ; jika benihnya rosak ia takkan tumbuh. Dan rosaknya kata ialah apabila hawa nafsu menyelusup kedalamnya. Maka syeikh membersihkan benih kata-katanya dari disusupi oleh hawa nafsu lalu menyerahkannya kepada ALLAH serta memohon pertolongan dan ketepatan dariNYA kemudian barulah beliau mengucapkannya. Lantas jadilah kata-kata syeikh dengan yang benar daripada yang benar dan untuk yang benar.

Sesungguhnya seorang syeikh bagi muridnya adalah pemegang amanah ilham, seperti Saiyidina Jibril pemegang amanah wahyu. Sepertimana Saiyidina Jibril tidak khianat menyampaikan wahyu, begitu juga syeikh tidak berkhianat menyampaikan ilham. Dan sebagaimana Saiyidina RasuluLLAH ﷺ tidak berbicara menurut hawa nafsu, maka seorang syeikh itu mentauladani Saiyidina RasuluLLAH ﷺ pada zahir dan batin ; tidaklah dia bicara dengan hawa nafsu.

3. Antara sebagus-bagus adab murid dengan syeikhnya ialah tenang, *khumūl*, dan tidak banyak bergerak, sehingga syeikh sendiri yang memulakan dengan apa yang membawa kebaikan bagi si murid sama ada dengan kata atau perbuatan.

4. Antara seagung-agung adab ialah engkau (wahai murid) tidak bergerak dalam apa-apa urusanmu melainkan dengan izin syeikh jika berada di hadapannya. Jika jauh, hendaklah meminta izin melalui surat. Hendaklah si murid di hadapan syeikhnya seperti mayat di tangan orang yang memandikannya, dan seperti anak kecil di hadapan ibunya.

5. Murid tidak boleh bercita-cita untuk mencapai darjat yang lebih tinggi dari darjat syeikhnya, bahkan hendaklah dia mencintai untuk beliau semua kedudukan yang tinggi dan mengharapkan limpahan kurnia yang gilang gemilang untuk syeikhnya. Dengan ini akan ternyatalah dari si murid bagus *irādah*-nya.

6. Sayogialah bagi seorang murid kepada syeikhnya untuk tidak bebas meninggikan suara yang ianya akan merentap tabir wibawa. Sesungguhnya

ketenangan wibawa itu apabila menetap di dalam hati akan mengikat lidah daripada berlebihan bicara.

7. Hendaklah mentakzim setiap *khirqah* (pakaian yang menjadi tanda sanad kesufian) atau kopiah yang datang daripada syeikh untuk murid sebagaimana telah ditetapkan disisi ahlinya.

8. Janganlah murid berkata "mengapa" kepada syeikhnya, kerana ia menghalang si murid dari beroleh tambahan.

9. Jangan membantah syeikh sama ada pada zahir atau batin, walaupun beliau (pada zahirnya) melakukan yang haram.

10. Jika terlintas dalam hatimu suatu keraguan terhadap syeikh, hendaklah engkau segera menepisnya. Jika tidak hilang juga, maka hendaklah engkau bertanya kepada syeikh, kerana beliau dari golongan *khawās* dan agar dia dapat menunjuk kepadamu jalan selamat dari lintasan itu.

11. Wajib memberitahu syeikh segala yang berlaku kepada dirimu, khususnya hal perjalananmu

dalam tareqat, kerana menyembunyikannya akan menyebabkan gangguan dalam perjalanan.

12. Awaslah, jangan kau taat di hadapan syeikh pada tempat yang dia melihatmu, tetapi derhaka di belakangnya, itu membawa kebinasaan keatasmu.

13. Tidak pergi kepada mereka yang menzahirkan diri sebagai syeikh pembimbing jalan *sulūk* tanpa keizinan dari syeikhmu. Kerana syeikhmu adalah tuan dan pemilikmu. Jika beliau mengizinkan, maka hendaklah engkau menjaga hati dan pergilah bertemu dengan siapa yang engkau mahu dengan menyerahkan kepercayaanmu dalam soal itu kepada Tuhanmu. Jika beliau tidak mengizinkan, maka ketahuilah bahawa beliau mengutamakan kemaslahatan dirimu dari berlakunya kerosakan. Lantas jangan berprasangka buruk kepada syeikh atau menyangka beliau tidak mengizinkan kerana hasad dan cemburu ; dua sifat ini bukanlah sifatnya para hamba pilihan ALLAH. Barang dilindungi ALLAH dari terbit yang demikian dari para Ahlillah dan golongan pilihan-NYA, bahkan yang lebih rendah dari itu juga tidak mungkin terbit dari mereka.

14. Awaslah, jangan di dalam hatimu menuntut syeikh menzahirkan karamah atau kasyaf, kerana perkara ghaib hanyalah milik bagi ALLAH. Adapun seorang wali itu puncak pencapaiannya dalam hal ini ialah ALLAH menilikkan baginya sebahagian dari perkara-perkara ghaib pada sebahagian ketika, dan yang demikian itu dengan `inayah khas dari ALLAH yang Maha Raja lagi Maha Menghakimi.

15. Jika engkau ingin bertanya syeikhmu suatu perkara atau masalah, janganlah takzim dan adabmu kepadanya menghalangmu dari mengajukan pertanyaan kepadanya. Engkau boleh mengajukan soalan demi soalan kepadanya. Diam bukanlah adab jika ia menghalang kefahaman. Kecuali apabila syeikh mengisyaratkan kepadamu untuk diam maka hendaklah engkau mematuhi, jika tidak jadilah engkau orang yang memuakkan.

16. Jika syeikh menegah engkau dari suatu perkara dan beliau mendahulukan seorang saudaramu untuk melaksanakan perkara itu, maka janganlah engkau berprasangka buruk. Hendaklah tetap iqtikadmu bahawa syeikh itu ahli makrifat, dan tidaklah dia melakukan sesuatu kepadamu

melainkan itulah yang paling bermanfaat untukmu.

17. Jika engkau melakukan dosa dan kerana itu syeikh berubah sikap terhadapmu, segeralah engkau meminta maaf dan menghadaplah engkau kepada ALLAH dengan hina dan memfaqir diri kepadaNYA.

18. Jika engkau merasa syeikh berubah hati terhadapmu, contohnya engkau tidak lagi mendapati syeikh gembira dan mesra denganmu seperti kebiasaannya atau yang seumpamanya, maka ceritakanlah darihal kebimbanganmu soal perubahan hati beliau keatasmu itu. Boleh jadi perubahan hatinya itu kerana sesuatu yang engkau lakukan maka dapat engkau bertaubat darinya. Atau boleh jadi perasaanmu tadi semata-mata ilusi yang tidak berlaku kepada syeikh, bahkan itu mainan syaitan keatasmu. Dengan bercerita kepada syeikh dan hasilnya engkau mengetahui bahawa beliau redho denganmu akan tenanglah hatimu dan hilanglah kegusaranmu. Sebaliknya jika engkau tidak bercerita kepadanya dan memilih diam, maka tidak syak lagi engkau akan jatuh kepada berbagai binasa.